KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	10/12/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	27
JABATAN	:	PERHILITAN			

Jumpa ular sawa ketika korek tanah

MARANG - Seorang pekerja tapak binaan terkejut apabila menemui seekor ular sawa batik seberat 250 kilogram (kg) ketika melakukan kerja rutin di Kampung Gong Nangka di sini pada Rabu.

Ketika kejadian, lelaki itu sedang bekerja di tapak binaan menggunakan jentolak sebelum reptilia tersebut ditemui dalam tanah yang dikorek dan dibersihkan.

Pegawai Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Daerah Marang, Leftenan (PA) Mujahid Abd Wahab berkata, pihaknya menerima laporan penemuan ular tersebut pada jam 2 petang lalu dan tiga anggota dikejarkan ke lokasi.

"Ular sawa sepanjang 5.79 meter ini berjaya ditangkap oleh petugas APM dalam tempoh 25 minit dan dipindahkan ke dalam lori menggunakan jentolak.

"Selepas itu, seekor lagi ular sawa turut ditemui berhampiran lokasi penemuan ular pertama," katanya ketika dihubungi pada Khamis.

Beliau berkata, saiz ular sawa kedua lebih kecil berbanding pertama dengan berat dianggarkan 100kg dan panjang 4.27 meter.

"Kita percaya lokasi itu adalah sarang reptilia tersebut dan kedua-dua ular ini akan dipindahkan ke Taman Rekreasi dan Zoo Kemaman," katanya.

Katanya, setakat November ini pihaknya sudah berjaya menangkap 1,103 ekor ular dan spesies paling banyak adalah sawa serta tedung selar.

"Orang awam dinasihatkan sentiasa berhati-hati dan segera menghubungi pihak berkuasa melalui talian kecemasan sekiranya menemui ular atau haiwan berbisa lain," katanya.

FOTO: APM



Ular sawa seberat 250kg yang ditemui di Kampung Gong Nangka pada Rabu.

10.12.2021_27 SH